



## MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal / Syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang masih sah di bawah kod bidang yang berkaitan serta Pembekal / Syarikat juga hendaklah berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** dan **Majlis Perbandaran Kuala Selangor** bagi sebutharga seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN KERTAS, ALAT TULIS, MESIN-MESIN PEJABAT, TONER/CARTRIDGE DAN BEKALAN DOMESTIK UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BAGI TAHUN 2025  No. Sebutharga : MPKS SH 15 / 2025	010201 PENERBITAN DAN PENYIARAN – Kertas – Kertas  DAN  020201 PERABOT, PERALATAN PEJABAT, HIASAN DALAMAN DAN DOMESTIK – Mesin-Mesin Pejabat Dan Aksesori – Mesin-Mesin Pejabat Dan Aksesori  DAN  020301 PERABOT, PERALATAN PEJABAT, HIASAN DALAMAN DAN DOMESTIK – Perkakas Elektrik Dan Elektronik – Perkakas Elektrik Dan Aksesori  DAN  020601 PERABOT, PERALATAN PEJABAT, HIASAN DALAMAN DAN DOMESTIK – Bekalan Pejabat Dan Alatulis – Alatulis (tidak termasuk borang dan Semua jenis kertas)	Mulai 19.03.2025 Hingga 25.03.2025	RM 50.00	26.03.2025 (jam 12 t/hari)
2.	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN BAHAN CETAKAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BAGI TAHUN 2025  No. Sebutharga : MPKS SH 16 / 2025	221602 PERKHIDMATAN – Percetakan (Dikhas Kepada Syarikat 100% Bumiputera) – Mencetak Fail, Kad Perniagaan Dan Kad Ucapan (Perlu lesen KDN)  DAN  221604 PERKHIDMATAN – Percetakan (Dikhas Kepada Syarikat 100% Bumiputera) – Mencetak Label, Poster dan Pelekat (plastik) (Perlu lesen KDN)  DAN  221606 PERKHIDMATAN – Percetakan (Dikhas Kepada Syarikat 100% Bumiputera) – Mencetak Borang/Kertas Komputer (Perlu lesen KDN)	Mulai 19.03.2025 Hingga 25.03.2025	RM 50.00	26.03.2025 (jam 12 t/hari)


Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara dalam talian melalui laman sesawang <https://ip3ks.mpks.gov.my> bermula 19 Mac 2025 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.



Pembekal/Syarikat perlu mengemukakan salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa menghantar dokumen tawaran sebut harga. Sila kemukakan juga salinan pendaftaran syarikat dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** serta salinan penyata bulanan bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor di **Peti Tawaran Sebutharga / Tender, Majlis Perbandaran Kuala Selangor sebelum atau pada 26 Mac 2025 , jam 12.00 tengahari.**

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

  
( HJ. MOHAMAD HANAFE BIN BASRI S.M.S., )  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kuala Selangor  
QS/azr/iklan sh/07032025

Tarikh : 12 Mac 2025